

Penggunaan Internet Dalam Kalangan Guru-Guru Sekolah Rendah Di Sekitar Johor Bahru, Johor.

Abdul Razak Idris & Norazlina Binti Adam
Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak : Kajian ini bertujuan meninjau penggunaan Internet dalam kalangan guru-guru sekolah rendah di sekitar Johor Bahru, Johor. Tumpuan kajian ini adalah untuk mengenalpasti, kemahiran dan pengetahuan asas guru terhadap penggunaan Internet, masalah yang dihadapi semasa guru-guru menggunakan Internet bagi tujuan proses pengajaran dan pembelajaran serta faktor-faktor yang mendorong guru-guru menggunakan Internet bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran. Kajian ini melibatkan 132 orang responden di kalangan guru-guru sekolah rendah di empat buah sekolah di daerah Johor Bahru, Johor. Data diperolehi menggunakan set soal selidik dan dianalisis menggunakan perisian “*Statistical Package for Social Science*” versi 10.0. Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru-guru sekolah rendah mempunyai kemahiran dan pengetahuan asas terhadap Internet. Guru-guru juga mempunyai kemahiran asas dan pengetahuan asas masing-masing dengan peratusan 76.66 dan 53.8 peratus terhadap penggunaan Internet. Terdapat beberapa masalah yang mempunyai peratusan yang tinggi (melebihi 60%). Diantara masalah tersebut ialah penggunaan yang lama dan meleakakan, kemudahan sekolah adalah terhad, rekabentuk laman web yang mengelirukan dan sumber yang ditemui dalam Bahasa Inggeris. Dikenalpasti terdapat tiga faktor yang mendorong penggunaan Internet menunjukkan peratusan yang tinggi (melebihi 60%), antaranya adalah untuk mendapatkan bahan terkini, minat guru untuk melayari Internet dan sokongan yang diberikan oleh pihak pentadbir sekolah kepada guru-guru.

Katakunci : penggunaan internet, guru sekolah rendah

Pengenalan

Internet merupakan salah satu penyalur pelbagai sumber maklumat kepada rangkaian komputer di seluruh dunia. Komputer dan pendidikan tidak dapat dipisahkan lagi dalam kehidupan manusia. Perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi telah membawa perubahan kepada gaya hidup masyarakat sedunia. Internet dianggap sebagai lautan data dan sumber. “Masyarakat yang hidup dalam zaman Internet dikenali masyarakat “*ubiquitous*” iaitu masyarakat yang saling berhubung di mana-mana di dunia dengan menggunakan gabungan komunikasi berkelajuan tinggi dan nanoteknologi”. (Utusan Malaysia, 2001).

Negara yang menguasai bidang Internet dan teknologi maklumat ini bakal menerajui pembangunan masa depan. Sebagaimana ucapan Perdana Menteri, Dato’ Seri Dr. Mahathir (2001),

“Masyarakat yang menguasai maklumat akan menguasai dunia. Maklumat adalah aset strategik bagi pembangunan sesebuah negara. Negara yang bermaklumat boleh mempengaruhi dunia dan mempunyai daya saing yang tinggi untuk mengatasi cabaran dan menguasai pasaran dunia.”

Dengan perkembangan pesat Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) kini, paradigma yang usang seperti pendekatan menyogok ilmu dan membuat latihan dari buku kerja semata-mata perlu dianjak ke paradigma yang menuntut kepada pembelajaran secara global yang boleh dilaksanakan di mana sahaja.

Pernyataan Masalah

Sistem pendidikan di Negara kita telah berkembang pesat dengan penggunaan komputer sebagai alat bantu mengajar menggantikan sistem tradisional yang berpusatkan guru. Kemudahan teknologi seperti teknologi Internet diwujudkan sebagai cabang dalam menjayakan proses pengajaran dan pembelajaran bestari. Walau bagaimanapun penyediaan bahan rujukan dan pengajaran adalah bergantung kepada kemampuan guru-guru menguasai dan mempunyai kemahiran dalam mengendalikan komputer khususnya dalam pencarian bahan menerusi Internet sesuai dengan perkembangan yang melanda sistem pendidikan di Malaysia.

Kerajaan menyedari bahawa penggunaan Internet dalam pendidikan membawa banyak manfaat, persoalannya, sejauh mana penggunaan Internet telah diaplikasikan dalam pengajaran dan pembelajaran. Penyelidikan yang dilakukan oleh Zahidi dan Rosli (2001), ke atas guru-guru di Kelantan. Dapatan mencatatkan responden seramai 33.6 peratus bersetuju faktor kekurangan pengetahuan dan kemahiran tentang penggunaan teknologi juga menyumbang kegagalan perlaksanaannya dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Memandangkan gelombang teknologi terkini semakin besar, adalah perlu bagi penyelidik membuat kajian mengenai penguasaan dan pengetahuan yang dimiliki dan diperlukan oleh guru-guru di sekolah rendah sekitar Johor Bahru. Dengan demikian pengetahuan dan bekalan kemahiran dalam kalangan guru-guru di peringkat sekolah rendah adalah amat wajar dibuat kajian.

Objektif Kajian

Tujuan utama kajian ini adalah untuk meninjau bagaimana Internet digunakan oleh guru-guru di sekolah rendah dalam konteks pengajaran dan pembelajaran, bagi mendapatkan masalah yang dihadapi dalam penggunaannya. Di antara objektif kajian ini adalah untuk:

- i) mengenalpasti kemahiran asas guru-guru terhadap penggunaan Internet.
- ii) mengenalpasti pengetahuan asas guru-guru terhadap penggunaan Internet.
- iii) mengenalpasti masalah yang dihadapi semasa guru-guru menggunakan Internet bagi tujuan proses pengajaran dan pembelajaran.
- iv) mengenalpasti faktor-faktor yang mendorong guruguru menggunakan Internet bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran.

Kepentingan Kajian

Penggunaan komputer semakin menjadi penting kepada manusia hari ini. Oleh itu, pengetahuan asas mengenai komputer dan Internet merupakan keperluan dalam dunia globalisasi. Di negara-negara maju, komputer juga telah digunakan dalam pelbagai bidang seperti industri, perdagangan dan penyelidikan. Dalam bidang pendidikan juga perannya diharap dapat meningkatkan tahap pendidikan.

Kajian ini merupakan satu usaha dalam membuat tinjauan kepada guru-guru di beberapa buah sekolah rendah di sekitar Johor Bahru, bagi mengenalpasti kecenderungan mereka dalam penggunaan Internet sebagai salah satu sumber bahan pengajaran dan pembelajaran.

Semoga hasil kajian ini menjadi asas bagi kajian-kajian berikutnya bagi memastikan perkara-perkara yang berkaitan dapat dipertingkatkan untuk memenuhi hasrat Kementerian Pelajaran dalam usaha memperlengkapkan kemudahan infrastruktur dan jaringan di 10 000 buah sekolah di seluruh negara menjelang tahun 2010 secara berperingkat.

Rekabentuk

Kajian ini adalah kajian ilmiah yang melibatkan kaedah tinjauan berbentuk perihal atau deskriptif yang bertujuan untuk mengumpul maklumat terperinci dan mengkaji tentang kecenderungan penggunaan Internet di kalangan guru-guru di sekolah rendah di negara kita. Internet sebagai alat teknologi yang canggih dan mempunyai berbagai-bagai kelebihan apabila digunakan dalam pendidikan seharusnya telah digunakan secara optimum dan penuh minat oleh guru-guru yang sedang berkhidmat di sekolah-sekolah rendah. Program Kementerian Pelajaran Malaysia melaksanakan penggunaan Internet dalam pendidikan di sekolah-sekolah dapat dijalankan dengan sempurna. Persoalan ini akan dihuraikan dengan terperinci melalui kajian ini.

Soal selidik akan digunakan untuk mendapatkan maklum balas mengenai kecenderungan, pengalaman dan pandangan guru-guru mengenai penggunaan Internet dalam aktiviti harian di sekolah. Penggunaan kaedah soal selidik dapat mengumpul data dengan lebih mudah dan sesuai dengan responden dalam kajian ini dan ianya dapat menjimatkan masa dan perbelanjaan semasa mengumpul data. Pengumpulan data dapat memberi gambaran sebenar tentang persoalan-persoalan yang hendak dikaji yang meliputi aspek-aspek kemahiran asas dan pengetahuan asas penggunaan Internet dalam pendidikan, faktor-faktor yang mendorong kepada penggunaan Internet dan masalah yang dihadapi oleh guru-guru semasa menggunakan Internet.

Persampelan Kajian

Kaedah Pemilihan Sampel adalah dengan menggunakan Kaedah Persampelan Rawak Mudah di mana setiap orang mempunyai peluang untuk dipilih secara bebas. Kaedah ini paling sesuai kerana kesemua populasi terdiri daripada guru-guru yang sedang berkhidmat di sekolah rendah.

Pemilihan sampel secara rawak juga akan membolehkan penyelidik mendapatkan sampel berdasarkan populasi Krejcie dan Morgan (1970). Maka 132 orang responden telah dipilih sebagai sampel dalam kajian ini.

Instrumen Kajian

Kajian ini akan menggunakan data kuantitatif dan yang akan diperolehi dari taburan soal selidik sebagai instrumen kajian. Menurut Mohd Majid Konting (1993), penggunaan soal selidik dapat meningkatkan ketepatan dan kebenaran yang diberikan oleh sampel kerana ia tidak dipengaruhi oleh penyelidik.

Soal selidik dibentuk oleh penyelidik berdasarkan persoalan kajian yang ingin dihuraikan. Soal selidik ini terdiri daripada empat bahagian iaitu Bahagian A, Bahagian B, Bahagian C dan Bahagian D. Bahagian A terdiri daripada enam pernyataan yang melibatkan maklumat diri responden, manakala Bahagian B pula merangkumi 10 pernyataan untuk meninjau pengetahuan dan kemahiran responden terhadap penggunaan Internet dalam pendidikan. Bahagian C pula terdiri daripada 10 pernyataan bagi meninjau masalah yang dihadapi oleh guru-guru semasa menggunakan Internet. Bahagian D merangkumi 10 pernyataan bagi meninjau faktor-faktor yang mendorong guru-guru kepada penggunaan Internet sebagai sumber pengajaran dan pembelajaran.

Soalan bahagian A berbentuk maklumat peribadi dan ciri-ciri demografi responden iaitu jantina, umur, bangsa, status dan bidang pengkhususan. Sementara Bahagian B mengandungi 10 item soalan yang mengukur pengetahuan dan kemahiran asas terhadap penggunaan Internet. Bahagian C mengandungi 10 item soalan yang mengukur masalah yang dihadapi oleh guru semasa melayari Internet. Antaranya kekangan masa, kemudahan yang ditawarkan di sekolah,

kurang faham menggunakannya dan lain-lain. Bagi Bahagian D, 10 soalan yang mengukur faktor-faktor yang mendorong guru-guru menggunakan Internet iaitu kemudahan, masa, sokongan rakan dan pentadbir, minat dan mengikut dasar kerajaan.

Bahagian B, C dan D akan diukur berdasarkan skala lima mata yang mempunyai lima tahap pemarkahan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1. Responden akan menjawab soalan-soalan yang dikemukakan dengan membulatkan salah satu pilihan jawapan yang diberi.

Jadual 1 Skala lima mata

Skala	Gerakbalas Item
1	Sangat Tidak Setuju (STS)
2	Tidak Setuju (TS)
3	Tidak Pasti (TP)
4	Setuju (S)
5	Sangat Setuju (SS)

Kajian Rintis

Sebelum kajian sebenar dilaksanakan, satu kajian rintis dijalankan oleh penyelidik. Kajian rintis ini bertujuan mendapatkan indeks kebolehpercayaan item soal selidik. Kajian rintis ini dijalankan ke atas 10 orang sampel yang dipilih secara rawak dari kumpulan guru-guru dari sekolah rendah sekitar Johor Bahru, Johor. Data yang diperolehi dari kajian rintis ini diproses berkomputer menggunakan perisian SPSS 10.0. Hasil daripada data tersebut, didapati nilai alpha 0.9229. Keputusan ini menunjukkan item soal selidik sesuai dijalankan pada kajian sebenar.

Analisis Data

Terdapat 10 pernyataan dalam soal selidik bagi mengenalpasti faktor-faktor yang mendorong guru-guru menggunakan Internet. Analisis menunjukkan keseluruhan peratusan yang lebih besar memilih “Setuju” bagi kesemua item yang disenaraikan. Berikut adalah urutan item-item mengikut perolehan peratus bermula dengan peratusan tinggi hingga rendah. Taburan peratusan boleh dilihat pada Jadual 2.

i. Item 1 “Pihak sekolah menyediakan kemudahan Internet untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran” memperoleh taburan peratus bagi “Setuju” seramai 78 orang (59.1%) dan seramai 19 orang (14.4%) memilih “Tidak Pasti”. Berbanding pilihan “Sangat Setuju” seramai 17 orang (12.9%), “Tidak Setuju dan “Sangat Tidak Setuju” masing-masing mewakili 15 orang (11.4%) dan tiga orang (2.3%).

ii. Item 2 “Saya akan mendapatkan seberapa banyak bahan pengajaran untuk membantu saya dalam menyediakan isi pelajaran” mendapat taburan peratus bagi “Setuju” seramai 81 orang (61.4%) dan seramai 32 orang (24.2%) memilih “Tidak Pasti”. Berbanding pilihan “Sangat Setuju” seramai 14 orang (10.6%), Tidak Setuju dan “Sangat Tidak Setuju” masing-masing mewakili tiga orang (2.3%) dan dua orang (1.5%).

iii. Item 3 “Di luar waktu sekolah, saya melayari Internet di rumah bagi tujuan mencari bahan pengajaran dan pembelajaran” dengan taburan peratus bagi “Setuju” seramai 56 orang (42.4%) dan “Tidak Pasti” seramai 34 orang (25.8%). Bagi “Tidak Setuju”, “Sangat Setuju” dan “Sangat Tidak Setuju” masing-masing seramai 24 orang (18.2%), 14 orang (10.6%) dan empat orang (3.0%).

iv. Item 4 “Saya hanya mendapatkan maklumat terkini sahaja ketika melayari Internet bagi membantu menambahkan rujukan saya semasa mengajar” memperoleh taburan peratus bagi “Setuju” seramai 68 orang (51.5%) dan pilihan “Tidak Pasti dan “Tidak Setuju” seramai 26

orang (19.7%). Berbanding pilihan “Sangat Setuju” seramai 9 orang (6.8%) dan “Sangat Tidak Setuju” mewakili tiga orang (2.3%).

v. Item 5 “Saya akan mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan topik-topik pengajaran saya melalui Internet” memperoleh taburan peratus bagi “Setuju” seramai 60 orang (45.5%) dan “Tidak Pasti” seramai 32 orang (24.2%). Bagi pilihan “Tidak Setuju” seramai 23 orang (17.4%), “Sangat Setuju” seramai 15 orang (11.4%) dan “Sangat Tidak Setuju” seramai dua orang (1.5%).

vi. Item 6 “Menerusi Internet, saya dapat memperoleh imej yang jelas, cantik dan terkini bagi menarik minat pelajar sekiranya saya menggunakannya dalam pengajaran dan pembelajaran” dengan taburan peratus bagi “Setuju” seramai 79 orang (59.8%) dan “Sangat Setuju” seramai 32 orang (24.2%). Bagi “Tidak Pasti” dan “Tidak Setuju” masing-masing seramai 17 orang (12.9%) dan empat orang (3.0%).

vii. Item 7 “Saya menggunakan Internet sebagai sumber kerana ianya sedang diperluaskan oleh pihak kementerian” memperoleh taburan peratus bagi “Setuju” seramai 72 orang (54.5%) dan seramai 26 orang (19.7%) memilih “Tidak Pasti”. Berbanding pilihan “Sangat Setuju” seramai 23 orang (17.4%), “Sangat Tidak Setuju” dan “Tidak Setuju masing-masing mewakili enam orang (4.5%) dan lima orang (3.8%).

viii. Item 8 “Sememangnya saya berminat melayari Internet untuk mencari bahan” memperoleh taburan peratus bagi “Setuju” seramai 75 orang (56.8%) dan “Sangat Setuju” seramai 34 orang (25.8%). Bagi pilihan “Tidak Pasti” seramai 12 orang (9.1%), “Tidak Setuju” seramai lapan orang (6.1%) dan “Sangat Tidak Setuju” seramai tiga orang (5.3%).

ix. Item 9 “Rakan-rakan di sekolah turut memberi galakkan kepada saya dalam menggunakan Internet dalam mencari bahan pengajaran dan pembelajaran” memperoleh taburan peratus bagi “Setuju” seramai 74 orang (56.1%) dan seramai 28 orang (21.2%) memilih “Tidak Pasti”. Berbanding pilihan “Sangat Setuju” seramai 15 orang (11.4%), “Tidak Setuju dan “Sangat Tidak Setuju” masing-masing mewakili 11 orang (8.3%) dan empat orang (3.0%).

x. Item10 “Pihak pentadbiran sekolah saya menyokong penggunaan Internet sebagai salah satu cabang memperoleh maklumat” dengan taburan peratus bagi “Setuju” seramai 73 orang (55.3%) dan “Sangat Setuju” seramai 33 orang (25.0%). Bagi “Tidak Pasti” dan “Tidak Setuju” masing-masing seramai 18 orang (13.6%) dan lapan orang (6.1%).

Jadual 2 : Taburan Peratusan Item-Item Faktor-Faktor Yang Mendorong Guru-Guru Menggunakan Internet.

Item	Pernyataan	Peratus (Kekerapan)				
		STS	TS	TP	S	SS
1	Pihak sekolah menyediakan kemudahan Internet untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran.	2.3 (3)	11.4 (15)	14.4 (19)	59.1 (78)	12.9 (17)
2	Saya akan mendapatkan seberapa banyak bahan pengajaran untuk membantu saya dalam menyediakan isi pelajaran	1.5 (2)	2.3 (3)	24.2 (32)	61.4 (81)	10.6 (14)

3	Di luar waktu sekolah, saya melayari Internet di rumah bagi tujuan mencari bahan pengajaran dan pembelajaran.	3.0 (4)	18.2 (24)	25.8 (34)	42.4 (56)	10.6 (14)
4	Saya hanya mendapatkan maklumat terkini sahaja ketika melayari Internet bagi membantu menambahkan rujukan saya semasa mengajar.	2.3 (3)	19.7 (26)	19.7 (26)	51.5 (68)	6.8 (9)
5	Saya akan mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan topik-topik pengajaran saya melalui Internet.	1.5 (2)	17.4 (23)	24.2 (32)	45.5 (60)	11.4 (15)
6	Menerusi Internet, saya dapat memperolehi imej yang jelas, cantik dan terkini bagi menarik minat pelajar sekiranya saya menggunakannya dalam pengajaran dan pembelajaran.	0 (0)	3.0 (4)	12.9 (17)	59.8 (79)	24.2 (32)
7	Saya menggunakan Internet sebagai sumber kerana ianya sedang diperluaskan oleh pihak kementerian	4.5 (6)	3.8 (5)	19.7 (26)	54.5 (72)	17.4 (23)
8	Sememangnya saya berminat melayari Internet untuk mencari bahan.	2.3 (3)	6.1 (8)	9.1 (12)	56.8 (75)	25.8 (34)
9	Rakan-rakan di sekolah turut memberi galakkan kepada saya dalam menggunakan Internet dalam mencari bahan pengajaran dan pembelajaran	3.0 (4)	8.3 (11)	21.2 (28)	56.1 (74)	11.4 (15)
10	Pihak pentadbiran sekolah saya menyokong penggunaan Internet sebagai salah satu cabang memperolehi maklumat.	0 (0)	6.1 (8)	13.6 (18)	55.3 (73)	25.0 (33)

Hasil dari analisis purata peratusan keseluruhan bagi item faktor-faktor yang mendorong guru-guru menggunakan Internet seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2 didapati purata peratusan pilihan “Setuju” adalah 54.24 peratus, “Tidak Pasti” sebanyak 18.48 peratus, “Sangat Setuju” sebanyak 15.61 peratus, “Tidak Setuju” sebanyak 9.63 dan “Sangat Tidak Setuju” sebanyak 2.04 peratus. Daripada purata peratusan keseluruhan di atas didapati skala “Setuju” mempunyai peratusan yang besar. Antara peratusan setuju yang tertinggi ialah pada item 2 iaitu “Saya akan mendapatkan seberapa banyak bahan pengajaran untuk membantu saya dalam menyediakan isi pelajaran”.

Jadual 3 : Analisa Purata Peratusan Keseluruhan Faktor-Faktor Yang Mendorong Guru-Guru Menggunakan Internet.

SKALA	STS	TS	TP	S	SS
ITEM					
1	2.3	11.4	14.4	59.1	12.9
2	1.5	2.3	24.2	61.4	10.6
3	3.0	18.2	25.8	42.4	10.6
4	2.3	19.7	19.7	51.5	6.8
5	1.5	17.4	24.2	45.5	11.4
6	0	3.0	12.9	59.8	24.2
7	4.5	3.8	19.7	54.5	17.4
8	2.3	6.1	9.1	56.8	25.8
9	3.0	8.3	21.2	56.1	11.4
10	0	6.1	13.6	55.3	25.0
PURATA PERATUSAN	2.04	9.63	18.48	54.24	15.61

Perbincangan

Keputusan analisis bahagian ini menunjukkan bahawa purata peratusan sebanyak 83.5 peratus daripada 132 orang guru menguasai pengetahuan asas terhadap penggunaan Internet. Ini memberi gambaran bahawa guruguru mempunyai pengetahuan asas dalam penggunaan Internet. Walau bagaimanapun hasil kajian penyelidikan ini dan hasil dapatan kajian Rozaidi Che Mahmood (2000) bertentangan. Hasil kajian yang diperolehi oleh Rozaidi Che Mahmood ke atas empat buah Sekolah Menengah di Johor Bahru mencatatkan pengetahuan asas yang kurang tentang penggunaan Internet dengan purata peratusan sebanyak 22.4 peratus. Ini menunjukkan peningkatan yang besar berlaku dalam pengetahuan asas terhadap penggunaan Internet dalam kalangan guru-guru sepanjang lapan tahun. Ini berkemungkinan dari kesan latihan atau kursus yang dihadiri oleh guru-guru sepanjang perkhidmatan mereka. Dari kajian lepas oleh Md. Musa bin Ahmad (2003) mendapati guru-guru berminat mendekati dunia Internet setelah memiliki pengetahuan asas yang diperolehi daripada usaha mereka dan kursus yang diikuti sepanjang perkhidmatan.

Seseorang guru sepatutnya mengetahui cara asas penggunaan computer dalam pendidikan khususnya dalam pengajaran dan pembelajaran. Pada dasarnya pelajaran berhubung dengan penggunaan Internet dalam pengajaran (Pengajaran Berbantuan Internet) pula belum diperkenalkan secara meluas kepada kebanyakan guru-guru di sekolah rendah. Oleh itu, pengetahuan asas responden adalah melalui pengalaman menggunakan Internet berdasarkan kursus-kursus pendek yang mereka hadiri. Berdasarkan dari maklumat responden 53.8 peratus daripada 132 orang guru tidak pernah menghadiri kursus berkaitan dengan Internet. Guru-guru di sekolah rendah ini terdedah dengan penggunaan Internet apabila mereka mula melanjutkan pelajaran ke tahap ijazah dan mula berjinak urusan-urusan harian yang dirasakan mudah jika mereka menggunakan Internet.

Setelah dianalisis penyelidik dapat mengumpulkan sekumpulan masalah yang dinyatakan pada item-item dalam Bahagian C soal selidik mempunyai peratusan yang besar iaitu melebihi 60 peratusan. Diantara masalah tersebut adalah berkaitan dengan masalah penggunaan masa dan penggunaan Internet melekakan pengguna, kemudahan di sekolah adalah terhad, rekabentuk halaman (*website*) yang mengelirukan dan sumber yang ditemui dalam Bahasa Inggeris. Berikut penyelidik menjelaskan masalah-masalah yang dipadankan dengan cadangan-cadangan yang dikemukakan.

Dapatan persoalan kajian empat telah diperolehi dengan menggunakan kaedah statistik diskriptif iaitu berdasarkan kepada peratusan. Dikenalpasti tiga faktor yang dikaji iaitu faktor mendapatkan imej yang cantik, jelas dan terkini bagi menarik minat pelajar, minat guru-guru dalam melayari Internet untuk mencari bahan dan pihak pentadbiran sekolah yang memberi sokongan dalam penggunaan Internet sebagai sumber maklumat. Dimana ketiga-tiga faktor ini mendapat peratusan melebihi 80 peratus. 84 peratus menunjukkan guru-guru sekolah rendah terdorong menggunakan Internet adalah kerana memudahkan mereka mendapatkan imej yang jelas dan menarik untuk dijadikan bahan pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah.

Tugas guru yang semakin mencabar dengan beban tugas-tugas lain selain mengajar dapat dikurangkan dengannya ada kemudahan bantuan teknologi terkini. Ini dapat ditunjukkan dengan jelas apabila guru-guru berminat melayari Internet dalam mencari bahan pengajaran dan pembelajaran. Mutu perkhidmatan dan kemudahan Internet sudah pasti mempengaruhi tugas guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Sekiranya perkhidmatan yang disediakan berada pada tahap yang baik. Maka penggunaan Internet juga adalah tinggi.

Abdul Karim (1999) berpendapat terdapat beberapa faktor yang menghalang guru-guru daripada menjalankan tugas dengan sempurna misalnya sikap masyarakat dan kekurangan kemudahan, khususnya kemudahan di sekolah. Antara kemudahan yang dimaksudkan adalah komputer yang boleh mengakses Internet adalah mencukupi untuk kemudahan guru, ruang bilik yang sesuai dan selesa.

Rujukan

- Ahmad Basri Hashim (2003). Pendidikan Dalam Internet. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributor Sdn Bhd.
- Azizi Yahaya, et al. (2007). Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn Bhd.
- Bahagian Pendidikan Guru(1990). Sukatan Komputer Dalam Pendidikan. BPG. Kementerian Pendidikan Malaysia. Kuala Lumpur.
- Chua, Chooi See (1998). Berkenalan Dengan Internet Pendekatan Langkah Demi Langkah. Selangor: Federal Publication Sdn Bhd.
- Fairus Rohini (2004). Penggunaan Internet Di Kalangan Pelajar Tahun 4 Pendidikan Teknik Dan Vokasional, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Tesis Ijazah Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia.
- Izwar Abdul Wahid. (2000,May 24). Internet sekolah wajar tubuh kelab. *Utusan Malaysia*. Retrieved July 23, 2007, from <http://www.utusan.com.my/>
- Khairunnisa Sulaiman. (2006, January 11). Alice Smith laksanakan pembelajaran Interaktif. *Utusan Malaysia*. Retrieved July 25, 2007, from <http://www.utusan.com.my/>
- Marzita Abdullah. (2005,October 27). Sekolah Bestari – TSS perhebatkan teknologi. *Utusan Malaysia*. Retrieved July 23,2007, from <http://www.utusan.com.my/>
- Mohd Najib Abdul Ghafar (1999). Penyelidikan Pendidikan. Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd. Majid Konting (1990). Kaedah Penyelidikan Pendidikan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noor Azmah Ibrahim. (2000, March 7). Internet perlu campur tangan system pendidikan. *Utusan Malaysia*. Retrived July 23, 2007 from <http://www.utusan.com.my/>
- Norhisham, Mazenah dan Rose Linda (1996).Pengajaran Bantuan Komputer. Edisi Pertama. Kuala Lumpur & Skudai: Universiti Teknologi Malaysia dan Dewan Bahasa dan Pustaka.